

Sekapur Sirih



PROFESOR MADYA DR MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM

Menteri Negara Ehwal Dalam Negeri merangkap
Pembangunan Negara

Pendidikan Bahasa Ibunda adalah untuk memperkuat kemahiran berbahasa dan memupuk kesedaran serta penghayatan pelajar tentang budaya. Pelbagai pendekatan dilaksanakan guru untuk memastikan PdP sentiasa relevan dalam konteks kehidupan sebenar untuk membentuk pelajar kita menjadi pengguna bahasa yang cekap dan mempunyai kemahiran berbahasa yang kukuh. Penerapan ICT, CCE dan SEL meningkatkan pemahaman pelajar tentang budaya dan nilai yang teranyam dalam kurikulum membantu menjadikan pelajar lebih berdaya bingkas. Kemunculan COVID-19 tidak mematahkan semangat guru melaksanakan PdP dengan berkesan. Pembelajaran di rumah (Home-based Learning) dan pengajaran dalam talian bagi pelajar dilaksanakan dengan gigih. Bagi kita semua, COVID-19 telah menekankan pentingnya mempersiapkan pelajar kita untuk masa depan yang tidak menentu. Kita tahu bahawa pendidikan bukan sekadar melengkapkan pelajar dengan pengetahuan akademik. Lebih penting lagi, adalah untuk menanamkan kecekapan dan nilai untuk membimbing mereka melalui kehidupan, dan untuk membolehkan mereka menjadi pelajar sepanjang hayat yang bersifat kendiri.

Seminar Bahasa Melayu 2021 yang bertemakan '**Memperkuatkan Pengajaran dan Pembelajaran, Meningkatkan Kemahiran Berbahasa**' ini merupakan usaha guru menggunakan pelbagai pelajaran inovatif untuk

mendorong pembelajaran Bahasa Melayu. Cabaran untuk melestari dan memperkuuh PdP bahasa Melayu memerlukan pelibatan aktif guru-guru untuk menjadikan PdP Bahasa Melayu bermakna, menarik dan menyeronokkan di samping melengkapkan pelajar dengan kemahiran berbahasa, pengetahuan dan nilai murni. Saya sangat gembira kerana seminar pada tahun ini dapat dilaksanakan walaupun dijalankan dalam format maya, satu format yang berbeza daripada sebelumnya. Saya juga bangga kerana format baharu ini tidak menjadi kekangan bagi guru-guru untuk tampil berkongsi. Pada tahun ini, sebanyak 47 kertas kajian berdasarkan bilik darjah yang menerapkan pelbagai strategi dikongsi, bertepatan dengan penekanan mengenai pembelajaran di rumah dalam sesi sidang selari. Hasil kajian tersebut pasti menjadi bahan rujukan berguna untuk para guru kita.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura kerana telah berjaya menganjurkan seminar Bahasa Melayu tahun ini dalam norma baru. Syabas kepada semua guru pembentang yang sedia berkongsi hasil kajian di dalam bilik darjah sebagai sajian ilmu untuk semua. Semoga seminar ini memberi manfaat kepada pendidikan dan PdP Bahasa Melayu di Singapura.

Seulas Pinang

NORHAYATI AWANG

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Tahun ini merupakan tahun pertama saya bersama Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) menganjurkan Seminar Bahasa Melayu (SBM) bagi para guru. Pada tahun ini, MLCS mengambil usaha proaktif memilih tema '**Memperkuuh Pengajaran dan Pengajaran, Meningkatkan Kemahiran Berbahasa**' untuk menyokong guru Bahasa Melayu menjalankan kajian berdasarkan bilik darjah. Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, sokongan yang diberikan guru amat menggalakkan. Namun, yang jelas adalah iltizam guru kita dalam melakukan kajian bagi meningkatkan prestasi PdP di dalam bilik darjah dan berkongsi pengetahuan serta amalan terbaik di sekolah mereka dengan rakan pendidik. Semangat yang ditonjolkan ini tentunya akan menjadikan PdP Bahasa Melayu lebih interaktif dan kreatif.

Untuk memastikan kertas kajian yang disiapkan guru terus bermutu, MLCS telah mengembangkan usaha para Guru Pakar untuk membimbing para pengkaji dengan melakukan kajian di sekolah dan mengedit kertas kajian secara tuntas. Pelaksanaan kertas kajian guru bukanlah satu perjalanan yang mudah. Dengan adanya pemutus rantaian jangkitan COVID-19, kajian guru mungkin terganggu dan guru harus menyesuaikan diri dengan Pembelajaran di Rumah (HBL). Meskipun begitu, guru menjadikannya pemangkin dan dorongan untuk meningkatkan dan menyesuaikan lagi PdP di dalam bilik darjah dan dalam

talian. Saya sangat gembira kerana guru kita telah menggunakan pelbagai pelajaran inovatif untuk menggalakkan pembelajaran kendiri. Yang pasti, guru kita menyambut sahutan pemerintah dalam pendidikan dengan bersikap berani dan merebut peluang baru untuk memperkuuh PdP. Mereka keluar dari zon selesa dan memperkuuh rangkaian untuk berkolaborasi dalam meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar.

Berbekalkan kepercayaan bahawa program pembangunan profesional guru adalah teras dalam kita melahirkan warga pendidik yang berkualiti, MLCS telah mengambil pendekatan yang berbeza dalam penyampaian SBM kali ini. Dengan itu, MLCS akan terus memastikan SBM dapat terus dijalankan dalam norma baru. MLCS akan terus tekal menyokong para guru yang bersemangat untuk menjalankan kajian dan membudayakan kecemerlangan profesional pendidik Bahasa Melayu kita.

Semoga kertas kajian yang diterbitkan dalam buku prosiding ini dan dikongsi bersama di Seminar Bahasa Melayu 2021 akan bermanfaat untuk kita semua.